

# 'Jangan bimbang, saya sihat'

BH - 14/5/2007.

## Perdana Menteri nafi laporan internet beliau pengsan ketika majlis di Lumut

Oleh Ridzuan Yop

**L**UMUT: "Saya sihat. Jangan bimbang," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menafikan dakwaan laporan yang disebarkan di internet bahawa beliau pengsan semasa menyampaikan kunci pada majlis jamuan rakyat dan perasmian Dataran Hadhari, di Teluk Batik di sini, tengah hari semalam.

Bercakap kepada pemberita di hotel penginapannya di Damai Laut Resort, di sini, malam tadi, Perdana Menteri berkata, pada majlis itu, beliau hanya sedikit keletihan kerana

**“Barangkali saya cuma letih mungkin sebab semalam (kelmarin) tidak cukup tidur dan cuaca ketika majlis berlangsung begitu panas”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

cuaca terlalu panas.

"Doktor sudah menjalankan bermacam-macam ujian termasuk ECG, darah dan tekanan darah dan semuanya adalah normal.

"Barangkali saya cuma letih mungkin sebab semalam (kelmarin) tidak cukup tidur dan cuaca ketika majlis berlangsung begitu panas.... mungkin panas, itu saja lain tak ada apa-apa.

"Saya pun rasa lega (selepas diperiksa doktor), tidak risau juga... bukan awak (wartawan) saja risau, saya juga (risau) pasal hal badan (kesihatan) saya," katanya. Beliau diperiksa oleh doktor peribadinya, Dr

Sanjiv Joshi.

Terdahulu, pada sebelah pagi, Perdana Menteri turut menghadiri beberapa program komuniti di Pantai Remis dan Segari, dekat sini yang dianjurkan oleh Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) sempena Program Permukiman BN-BBC 2007 yang diadakan di pulau ini, selama tiga hari bermula Jumaat lalu.

Turut hadir pada majlis penyampaian kunci rumah itu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Pengerusi BNBBC, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar.

Diminta menceritakan apa sebe-

narnya berlaku ketika itu, Abdullah berkata, semuanya bermula ketika beliau membuat ucapan dalam keadaan cuaca begitu panas.

"Masa saya sedang bercakap (berucap) panas sungguh... masa tu sudah habis saya buat ucapan, memang saya tak cagak panjang sebab sudah masuk waktu makan tengah hari.

"Sebab panas sangat, saya berhentilah (berucap) dan terus duduk, lepas itu saya dipanggil untuk menyerahkan kunci rumah kepada penerima dan saya pun bangun semula bagi kunci.

LIHAT MUKA 2

# PM lebih segar selepas tidur

## DARI MUKA 1

"Ketika itu juga, saya berasa letih dan Datuk Seri Tajol Rosli nampak macam saya tidak berapa elok (sihat) dan dia (Tajol) suruh saya duduk balik.

"Ketika saya duduk balik, orang lain pun datang berkerumun, takut jadi apa-apa kepada saya dan mereka membantu menyejukkan badan saya seperti membuka kasut dan topi yang saya pakai serta memasang kipas," katanya.

Abdullah berkata, selepas semuanya kembali seperti sediakala, beliau bangun dan terus menyerahkan kunci rumah kepada penerima seterusnya.

Ditanya keadaan kesihatannya selepas itu, Perdana Menteri berkata, selepas mendapat tidur yang cukup, beliau berasa lebih segar.

Katanya, jadual kerja beliau akan berjalan seperti biasa dan tidak ada apa sebab yang hendak ditangguhkan.

"Jangan bimbang, kerana saya juga menjaga kesihatan saya bukan saya membiarkannya... ubat saya makan tidak pernah gagal," katanya.

Sementara itu, Dr Sanjiv ketika ditemui mengesahkan kesihatan Perdana Menteri adalah baik.